

Najib tetap setia pada Pak Lah

BH - 22/7/2007

KUALA BERANG: Datuk Seri Najib Razak mengulangi kenyataannya bahawa orang nombor dua parti akan tetap setia berada di belakang kepemimpinan orang nombor satu dalam parti.

Timbalan Presiden Umno berkata, pegangan bahawa orang nombor satu dan dua dalam parti perlu sentiasa bekerjasama bagi mengelak pergolakan dalam parti.

"Jika kita orang nombor dua, jadilah orang nombor dua sebenar.

"Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sentiasa berurusan dengan baik. Jika di atas aman di bawah pastinya aman, jika nak tegur di bawah, kita mesti perbetulkan diri kita di atas," katanya ketika merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Hulu Terengganu di Dewan Majlis Daerah Hulu Terengganu, di sini, semalam.

Umno Bahagian Hulu Terengganu juga membuat kejutan menyambut Hari Lahir Timbalan Presiden ke-54 yang bakal disambut Isnin ini dengan memotong pulut kuning.

Najib turut mengucapkan terima kasih kepada Umno Bahagian Hulu Terengganu yang mengemukakan usul supaya jawatan presiden dan timbalan presiden parti tidak dipertandingkan pada pemilihan Majlis Tertinggi (MT) 2008.

Beliau juga yakin Terengganu mampu mencapai sasaran peningkatan lima peratus undi popular setiap kali pilihan raya umum diadakan, sekali gus menjadikan negeri itu kubu kuat Umno dan Barisan Nasional (BN).

Di samping itu, katanya, sokongan rakyat terhadap Umno dan BN berada pada tahap tinggi jika lima pilihan raya kecil yang bermula di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Berang dijadikan asas pengukuran sokongan rakyat tidak terhakis malah semakin meningkat.

Katanya, pilihan raya kecil DUN Kuala Berang menyaksikan undi majoriti meningkat daripada 1,695 kepada 2,059 undi, diikuti DUN Pengkalan Pasir pada Disember 2005 yang ber-

“Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sentiasa berurusan dengan baik. Jika di atas aman di bawah pastinya aman”

Najib Razak

Timbalan Presiden Umno

jaya merampas kerusi dengan majoriti 134 undi.

Umno dan BN terus diuji pada pilihan raya kecil DUN Batu Talam yang akhirnya menang dengan majoriti 5,850 undi sebelum terus menang di Machap dengan majoriti 4,081 undi dan akhirnya di Ijok dengan majoriti 1,850 undi.

Sementara itu, Umno Bahagian Hulu Terengganu semalam meluluskan usul sebulat suara supaya jawatan presiden dan timbalan presiden parti tidak pertandingan pada pemilihan Majlis Tertinggi (MT) pada 2008.

Ketua Umno bahagian itu, Datuk Tengku Putera Tengku Awang berkata, usul itu akan dibawa ke Badan Perhubungan Umno Negeri untuk dibawa ke Perhimpunan Agung Umno November depan.

"Kepemimpinan Presiden (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) dan Timbalan Presiden (Datuk Seri Najib Razak) parti perlu kekal selepas pilihan raya umum akan datang.

"Pada pemilihan 2008, kita cadangkan supaya jawatan nombor satu dan dua tidak dipertandingkan bagi menggambarkan sokongan padu ahli kepada kepemimpinan parti," katanya ketika berucap pada Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Hulu Terengganu, di sini, semalam.